



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

*PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
JURUTEKNIK*

SENIBINA

KOD : C033
SUBJEK : BINAAN BANGUNAN
TARIKH : 21 OGOS 2001
MASA : 2.00 - 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS
SOALAN SEHINGGA DIARAHKAN**

ARAHAN KEPADA CALON:

1. *Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada tiap-tiap helai kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-sekali menulis nama anda pada kertas jawapan. Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.*
2. *Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.*
3. *Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja. Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikekalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.*
4. *Jawab secukup soalan sahaja mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.*
5. *Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.*
6. *Calon-calon digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan mereka di mana sesuai.*
7. *Calon-calon dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.*
8. *Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas soalan.*
9. *Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calon adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.*
10. *Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.*
11. *Calon-calon dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.*
12. *Calon-calon tidak dibenarkan keluar dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit dari mulanya peperiksaan.*
13. *Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calon yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang munasabah.*
14. *Calon-calon yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.*
15. *Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.*

PERKARA : C033 - BINAAN BANGUNAN

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi lapan (8) soalan.
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.*

SOALAN 1

- a) Namakan **empat (4)** jenis pembinaan tangga. *(4 markah)*
- b) Terang dan lakarkan **dua (2)** daripada **empat (4)** jenis pembinaan. tangga tersebut. *(10 markah)*
- c) Terangkan **enam (6)** peraturan am yang harus dipatuhi dalam pembinaan tangga. *(6 markah)*

SOALAN 2

- a) Nyatakan **dua (2)** fungsi siling dan senaraikan **empat (4)** bahan-bahan yang digunakan didalam pembinaan siling. *(6 markah)*
- b) Terangkan difinisi siling gantung dan fungsi pembinaan siling gantung. *(6 markah)*
- c) Terangkan perbezaan diantara siling tetap dengan siling gantung. *(4 markah)*
- d) Lakarkan keratan:-
- i. Siling gantung
 - ii. Siling tetap
- (4 markah)*


SOALAN 3

- a) Nama dan lakarkan **tiga (3)** tiga jenis bumbung curam dan terangkan **dua (2)** faktor pemilihan jenis bumbung ini.

(8 markah)

- b) Namakan bahagian-bahagian bumbung yang ditandakan **A - H dalam gambar rajah di bawah.**

(8 markah)



- c) Terangkan **empat (4)** faktor yang harus dipertimbangkan dalam merekabentuk bumbung.

(4 markah)

SOALAN 4

- a) Anggarkan bilangan bata yang diperlukan untuk membina tembok 1/2 bata tebal, 8m panjang dan 3m tinggi.
(11 markah)
- b) Nama dan terangkan **tiga (3)** jenis bata yang dihasilkan dan digunakan dalam pembinaan tempatan.
(9 markah)

SOALAN 5

- a) Senaraikan **lima (5)** ciri yang diutamakan dalam pembinaan dinding.
(5 markah)
- b) Nyatakan **sembilan (9)** jenis-jenis bahan yang digunakan untuk membina dinding.
(9 markah)
- c) Senaraikan **enam(6)** fungsi dinding.
(6 markah)

SOALAN 6

- a) Terangkan **lima (5)** ciri utama yang harus dipertimbangkan apabila membina lantai.
(5 markah)
- b) Terangkan kemasan lantai berikut:-
- i. Lepa simen
 - ii. Jalur kayu
 - iii. Parket
 - iv. Jubin
 - v. Terazo
- (5 markah)

SOALAN 6 (Sambungan)

- c) Lakarkan satu pandangan keratan lantai gantung dan labelkan bahagian-bahagian berikut:-
- i. Tapak konkrit
 - ii. Tutup tiang
 - iii. Gelegar
 - iv. Papan kayu
 - v. Kambi
 - vi. Lapisan kalis lembap
 - vii. Bata berliang

(10 markah)

SOALAN 7

- a) Nyatakan fungsi lapisan kalis lembap dan terangkan cara-cara pemasangan lapisan kalis lembap.
- b) Huraikan dengan lakaran langkah-langkah pembinaan lantai padu konkrit.
- c) Lakarkan kaedah pencegahan kelembapan pada tingkat bawah tanah.

(4 markah)

(8 markah)

(8 markah)

SOALAN 8

- a) Namakan **empat (4)** jenis asas
- b) Terangkan **satu (1)** jenis daripada asas yang dinyatakan di atas.
- c) Lakar dan lebelkan **dua (2)** daripada pembinaan asas yang dinyatakan di atas.

(4 markah)

(6 markah)

(10 markah)
